



Bolot vaksin tindakan tak bermoral

Malaysia gesa Bank Dunia bantu negara membangun nikmati kesaksamaan vaksin

KUALA LUMPUR

Malaysia pada Rabu menggesa Bank Dunia membantu negara membangun nikmati kesaksamaan dalam agihan vaksin global.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, perbuatan membolot vaksin oleh negara maju merupakan satu tindakan tidak bermoral yang tidak mencerminkan kepimpinan global yang ber-

tanggungjawab dan dihormati.

"Kami hargai sumbangan yang kami akan terima daripada negara maju pada minggu-minggu mendatang, namun ini tidak 'menghalalkan' apa yang berlaku sejak beberapa bulan lepas dan inilah yang mengawal pasaran vaksin."

"Kita wujudkan Covax dalam semangat perpaduan global sebagai mekanisme kesaksamaan vaksin dan itu menjadi satu kegagalan yang besar dan bagi saya Bank Dunia bertanggungjawab membantu negara-negara membangun dengan menjadi suara yang lantang dalam memastikan kesaksamaan vaksin di peringkat



KHAIRY

global," katanya dalam amanat khas pada pelancaran 'Malaysia Economic Monitor - Edisi Jun 2021' secara maya.

Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berkata, ada keperluan untuk perpaduan

diperkuatkan semula di samping keperluan mendesak dalam memapatkan jurang kesaksamaan vaksin yang menyebabkan negara berpendapatan rendah dan sederhana ketinggalan.

"Kami mahu kesaksamaan vaksin diwujudkan sekarang dan pada masa depan. Hanya itu caranya untuk kita keluar daripada

pandemik ini dan juga wabak pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan berhasrat memastikan 60 peratus penduduk negara ini divaksinasi menjelang penghujung September ini.

Khairy berkata, kerajaan sedang menambah bilangan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi mempercepat pelaksanaan program imunisasi selain mewujudkan PPV mega untuk meningkatkan kadar pemvaksinan.

Ditasarkan 1,000 lagi pengamal perubatan am (GP) daripada sektor kesihatan swasta akan mula terbabit dalam pemvaksinan menjelang 30 Jun ini seiring per-

tambahan PPV yang dibuat secara berterusan oleh kerajaan.

"Kerajaan yakin dapat memberikan 11 juta dos vaksin pada Julai, 13 juta dos menjelang akhir Ogos 2021 dan tambahan lapan juta lagi menjelang penghujung

September," katanya.

"Matlamat kami ialah memberi vaksin kepada semua," kata Khairy.

Pada masa sama katanya, kerajaan akan meneruskan sokongan terhadap syarikat dan melindungi peluang pekerjaan untuk rakyat menerusi pelbagai pakej bantuan termasuk pakej terbaru Pemerkasa Tambahan bernilai RM40 bilion yang bertujuan membantu sektor swasta kekal bertahan. - Bernama

**MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**